

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : YB KHOO SOO SEANG [TEBRAU]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian bagi tujuan penaiktarafan bagi kesemua hospital Kerajaan di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak, serta jelaskan secara terperinci setakat Januari 2016 berapakah jumlah hospital besar yang telah dinaiktarafkan daripada segi sistem pengurusan dan prasarana-prasana yang terlalu usang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah peruntukan untuk naiktaraf hospital di semenanjung, Sabah dan Sarawak di bawah RMK10 dan RP1, RMK11 adalah RM1,687,644,742 dengan jumlah projek sebanyak 65 projek.

Untuk soalan kedua, sehingga 2016, projek yang telah siap, adalah sebanyak lima (5) projek naiktaraf telah siap iaitu :

- a) Naiktaraf Jabatan Patologi Hospital Miri ke Makmal Perubatan Zon Utara Negeri Sarawak

- b) Naiktaraf Dewan Bedah Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang
- c) Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang
- d) Membina Stor Integrasi, Bangunan Suci Hama dan Naiktaraf Unit Kecemasan, Hospital Batu Gajah
- e) Naiktaraf Kemudahan Kardiologi, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang